



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MSE PERKUKUH DIPLOMASI SAINS MALAYSIA-CHINA MELALUI PROGRAM PERTUKARAN PENYELIDIK 2025

PUTRAJAYA, 22 JUN 2026 – Malaysia menerusi Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Malaysia Science Endowment (MSE) mengumumkan pemilihan 10 penyelidik Malaysia bagi menyertai MSE *Malaysia-China Science and Technology People-to-People Exchange Programme 2025*. Program ini akan menempatkan 10 orang penyelidik Malaysia selama enam bulan di institusi penyelidikan, universiti dan syarikat terpilih di Republik Rakyat China. Ia bertujuan memperkukuh diplomasi sains, memperluas jaringan penyelidikan dua hala serta membina keupayaan negara dalam bidang teknologi strategik.

Inisiatif ini merupakan susulan kepada pemeteraian Memorandum Persefahaman Program Pertukaran Kepakaran dalam Sains dan Teknologi antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China pada 19 Jun 2024 sempena lawatan rasmi Premier Republik Rakyat China, TYT Li Qiang ke Malaysia. Program ini turut menyokong usaha kedua-dua negara untuk memperkukuh kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, pemindahan teknologi, pertukaran kepakaran serta pembangunan bidang teknologi baharu.

Pengumuman mengenai penyertaan peserta Malaysia itu diadakan sempena Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Malaysia-China Mengenai Kerjasama Sains, Teknologi dan Inovasi Kali ke-4 di antara Menteri MOSTI, YB Datuk Chang Lih Kang dan Timbalan Menteri Sains dan Teknologi, Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Lin Xin di Putrajaya. Turut hadir ialah Naib Presiden ASM, Academician Profesor Ulung Datuk Dr. Looi Lai Meng FASc dan Setiausaha Agung ASM,

Profesor ChM. Dr. Noorsaadah Abd Rahman FASc.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Chang Lih Kang, berkata “Inisiatif yang dijayakan menerusi dana Malaysia Science Endowment (MSE) ini melambangkan satu pelaburan strategik yang melangkaui skop pertukaran penyelidik biasa.

MSE bukan sahaja memacu inovasi industri, memperkukuh kerjasama antarabangsa malah melalui program seperti ini, memangkin pembangunan kapasiti. Langkah ini membuka peluang kepada akses kepakaran dan fasiliti bertaraf dunia serta mempercepat pembangunan penyelesaian dalam bidang-bidang yang penting kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat.”

Presiden ASM merangkap Penasihat Sains, Teknologi dan Inovasi kepada Perdana Menteri dan Negara, Academician Datuk Dr. Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc, berkata “Sebagai agensi pelaksana MSE, ASM melihat program ini sebagai pelaburan dalam pembangunan bakat, rangkaian dan keupayaan negara. Penyelidik yang terpilih bukan sahaja membawa nama Malaysia tetapi akan kembali dengan pengetahuan, hubungan strategik dan potensi kerjasama baharu yang boleh dimanfaatkan untuk memperkukuh ekosistem STIE negara.”

Penyelidik yang terpilih telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Projek ASM yang dipengerusikan oleh Naib Presiden ASM, Academician Profesor Ulung Datuk Dr. Looi Lai Meng FASc. Bidang tumpuan program ini merangkumi bahan termaju, kecerdasan buatan, penyimpanan tenaga, vaksin manusia, teknologi angkasa, blok rantai (*blockchain*) dan mikroelektronik.

Peserta juga dikehendaki menyediakan laporan dan video impak pada akhir program selain berkongsi pengetahuan melalui bimbingan atau sesi perkongsian di institusi masing-masing. Langkah ini memastikan manfaat program tidak terhad kepada peserta tetapi turut diperluas kepada komuniti penyelidikan tempatan.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
22 Jun 2026



Kit Media: [KIT MEDIA P2P](#)

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat, Akademi Sains Malaysia

Siti Sarah Abd Rahman

siti.sarah@akademisains.gov.my

(+6011-11425446)

Senarai 10 penyelidik Malaysia bagi menyertai MSE Malaysia-China Science and Technology People-to-People Exchange Programme 2025

BIL.	NAMA	INSTITUSI	BIDANG FOKUS	PENEMPATAN
1	Profesor Dr. Ong Wee Jun	Xiamen University Malaysia	Bahan termaju	中国科学技术大学 University of Science and Technology of China (USTC)
2	Profesor Ts. Ir. Dr. Wan Sharuzi Wan Harun	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah	Bahan termaju	清华大学 Tsinghua University
3	Profesor Madya Dr. Lee Hwei Voon	Universiti Malaya	Bahan termaju	复旦大学 Fudan University
4	Dr. Kushairi Mohd Salleh	Universiti Sains Malaysia	Bahan termaju	天津工业大学 Tiangong University
5	Dr. Sheena Yin Xin Tiong	Universiti Malaya	Kecerdasan buatan	清华大学 Tsinghua University
6	ChM Ts. Dr. Ong Song-Quan	Universiti Malaysia Sabah	Kecerdasan buatan	江西农业大学 Jiangxi Agricultural University
7	Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Azli Salim	Universiti Teknologi Malaysia Melaka	Bahan termaju	青岛大学 Qingdao University
8	Dr. Ng Chi Huey	Universiti Malaysia Sabah	Penyimpanan tenaga	西北工业大学 Northwestern Polytechnical University
9	Profesor Madya Ir. Dr. Norhashila Hashim	Universiti Putra Malaysia	Kecerdasan buatan	中国 农业科学院 农业信息研究所 Agricultural Information Institute of the Chinese Academy of Agricultural Sciences (AII-CAAS)
10	Profesor Madya Ts. Dr. Lee Wai Kong	Universiti Tunku Abdul Rahman	Kecerdasan buatan	西安电子科技大学 (Xidian University)